



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Patuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 untuk elak premis perniagaan dikompauan**

---

Tarikh: 04 Januari 2023

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan lima kompaun dengan jumlah keseluruhan sebanyak \$2,900.00 kepada lima buah premis perniagaan kerana ketidakpatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, pada bulan Disember 2022.
2. Hasil daripada aduan orang ramai yang diterima secara rasmi oleh JPES serta berikutan pelaksanaan kerja rutin harian penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 telah mendapati lima buah premis perniagaan melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Bab 3B iaitu menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barangan yang dikawal harga (minyak masak) di bawah Akta Kawalan Harga dan Bab 5 iaitu berkaitan dengan paparan tanda harga. Berikut adalah keterangan mengenai kesalahan-kesalahan berkenaan yang telah dikeluarkan kompaun menurut kekerapan kesalahan dibuat:

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Tindakan (Kompaun)</b>
1	Syarikat Nur Mohamad Asli	Menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barangan yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142	\$700.00
2	Ya Nur Trading Company Sdn Bhd	Tidak memaparkan tanda harga bagi sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan	\$700.00

3	Premier Link Trading Company	Memaparkan tanda harga yang mengelirukan iaitu paparan tanda harga tidak selaras dengan harga yang tercatat di dalam sistem kaunter pembayaran	\$500.00
4	Sim Kim Huat Trading Company Sdn Bhd		\$500.00
5	Biolab Plus Company @ Melvida		\$500.00

3. Dalam kesempatan ini, JPES merakamkan penghargaan terima kasih kepada para pengguna yang telah melaporkan aduan secara rasmi melalui saluran-saluran yang telah disediakan dan secara bertanggungjawab dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar.
4. JPES secara berterusan ingin menggalakkan para pengguna untuk mengoptimalkan penggunaan saluran-saluran rasmi yang telah disediakan dan mudah diakses bagi menyalurkan aduan berkaitan dengan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 seperti melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak; *hotline* Talian Darussalam 123; dan e-mel [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn).
5. Dalam pada itu, para peniaga dinasihatkan untuk sentiasa menanai tanggungjawab dalam mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada termasuk Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dalam usaha bagi membangunkan ekosistem perniagaan domestik yang mengamalkan amalan perniagaan yang beretika, termasuk memastikan paparan tanda harga yang betul dan jelas.
6. Sebarang maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak yang boleh dimuat turun melalui platform *App Store* dan *Google Play*, atau laman sesawang JPES di [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn).

\*\*\*\*\*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi